

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KETIGA BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN HAJI
MOHAMAD [LIPIS - BN]**

SOALAN (NO. 70)

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan status terkini pelaksanaan program Parlimen Belia Malaysia berapakah jumlah pencalonan Ahli Parlimen Belia yang telah mendaftar bagi setiap negeri dan apakah pulangan yang Kementerian-Kementerian harapkan dari program ini.

SULIT

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, status Parlimen Belia Malaysia (PBM) kini dalam proses untuk memuat naik calon-calon Ahli Parlimen Belia Malaysia (APBM) bermula pada 1 hingga 7 Oktober 2014.

2. Manakala, jumlah pencalonan Ahli Parlimen Belia Malaysia (APBM) yang berdaftar adalah seramai 429 calon sehingga 25 September 2014 dengan pecahan mengikut negeri seperti berikut:-
 - i. Johor berjumlah tiga puluh empat orang (34).
 - ii. Kedah berjumlah tiga puluh tujuh orang (37).
 - iii. Kelantan berjumlah dua puluh lima orang (25).
 - iv. Melaka berjumlah tiga belas orang (13).
 - v. Negeri Sembilan berjumlah tiga puluh enam orang (36).
 - vi. Pahang berjumlah dua puluh tiga orang (23).
 - vii. Pulau Pinang berjumlah dua puluh lapan orang (28).
 - viii. Perak berjumlah dua puluh enam orang (26).
 - ix. Perlis berjumlah enam orang (6).
 - x. Selangor berjumlah enam puluh enam orang (66).
 - xi. Terengganu berjumlah dua puluh lima orang (25).
 - xii. Sabah berjumlah lima puluh satu orang (51).
 - xiii. Sarawak berjumlah dua puluh tiga orang (23).
 - xiv. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berjumlah dua puluh tujuh orang (27).
 - xv. Wilayah Persekutuan Labuan berjumlah lima orang (5).

SULIT

- xvi. Wilayah Persekutuan Putrajaya berjumlah empat orang (4).
3. Kementerian berharap agar semua Ahli Parlimen Belia Malaysia (APBM) dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran kepimpinan di kalangan generasi Y demi penerusan kepimpinan negara jangka panjang, mengetahui bagaimana proses undang-undang dibuat serta memahami sistem pentadbiran negara.

Sekian, terima kasih.